# MODUL PdPR

# PENDIDIKAN ISLAM

# TAHUN 4

## BIDANG ADAB

## TAJUK :

## GURUKU SAYANG

**MODUL PENDIDIKAN ISLAM**

**TAHUN 4**

**BIDANG : ADAB**

| | |
|---|---|
| Sasaran : | Murid Tahun 4 |
| Subjek : | Pendidikan Islam (Bidang Adab) |
| Tajuk atau tema : | Guruku Sayang |
| Nota berkaitan tajuk/Tema : | Guru ialah orang yang mengajar, disebut juga pendidik, pengajar dan pembentuk akhlak. Hukum beradab dengan guru adalah wajib.<br><br>Adab dengan guru terbahagi kepada tiga iaitu :<br>1) Perlakuan :<br>• Mentaati guru<br>• Memberikan tumpuan ketika guru mengajar<br>• Membantu guru<br>• Mendoakan guru.<br>2) Percakapan :<br>• Bercakap dengan lemah lembut dan sopan<br>• Bertanya perkara yang bermanfaat jika diizinkan<br>• Memberi salam apabila bertemu guru<br>3) Perasaan :<br>• Merendah diri dan tidak sombong terhadap guru<br>• Bersabar atas tindakan guru<br>• Bersangka baik dengan guru<br><br>Para sahabat Rasulullah SAW dan ulamak terdahulu sangat |

| | |
|---|---|
| | menghormati guru dan orang berilmu. Mereka sentiasa membantu guru, bersabar terhadap guru dan bersopan dengan guru mereka.<br><br>Kepentingan beradab dengan guru :<br>1) Individu :<br>✔ Mendapat pahala dan keberkatan ilmu<br>✔ Disayangi guru-guru<br>✔ Mudah mengingati pelajaran<br>2) Masyarakat :<br>✔ Tidak mudah terpengaruh dengan gejalah negatif<br>✔ Melahirkan masyarakat berilmu dan penyayang<br>3) Negara :<br>✔ Lahir ramai cerdik pandai untuk membangunkan negara<br>✔ Negara maju dan berdaya saing<br><br>Rujuk Buku Teks Pendidikan Islam Tahun 4, muka surat 180-184 |
| Standard Kandungan : | 6.4 Merumus adab terhadap guru yang menepati syarak dan mengamalkannya secara beradab dan istiqamah. |
| Standard Pembelajaran : | 6.4.1 Menyatakan maksud guru.<br>6.4.2 Menerangkan hukum beradab terhadap guru berdasarkan dalil naqli serta terjemahannya.<br>6.4.3 Menjelaskan adab terhadap guru.<br>6.4.4 Mengaplikasi adab terhadap guru.<br>6.4.5 Menganalisis kepentingan beradab terhadap guru.<br>6.4.6 Merumus adab terhadap guru |

| | |
|---|---|
| | 6.4.7 Sentiasa menghormati guru dengan mencontohi akhlak Rasulullah SAW dalam kehidupan secara beradab dan istiqamah |
| Objektif Pembelajaran : | Selepas proses pengajaran dan pembelajaran murid dapat :<br>1. Menerangkan maksud guru dengan betul.<br>2. Menjelaskan hukum beradab terhadap guru berdasarkan dalil naqli serta terjemahannya dengan betul.<br>3. Menyenaraikan adab terhadap guru dengan betul.<br>4. Mengkelaskan adab terhadap guru dengan betul.<br>5. Menganalisis kepentingan adab terhadap guru dengan betul.<br>6. Merumus adab terhadap guru dengan betul. |
| Tempoh Pelaksanaan : | 1 minggu<br>Aktiviti 1 : 1 jam<br>Aktiviti 2 : 1 jam<br>Aktiviti 3 : 1 jam<br>Aktiviti 4 : 1 jam<br>Aktiviti 5 : 2 hari |
| Aktiviti : | Aktiviti 1<br>Menjawab soalan yang diberikan berdasarkan modul<br><br>Aktiviti 2<br>Melengkapkan peta i-Think (peta pokok) tentang adab terhadap guru<br><br>Aktiviti 3<br>Menganalisis kepentingan adab terhadap guru |

| | |
|---|---|
| | |
| | Aktiviti 4<br>Menilai tindakan yang menzahirkan adab terhadap guru berdasarkan situasi yang diberi<br><br>Aktiviti 5<br>Mencipta pantun tentang adab terhadap guru dan membuat rakaman video |
| Pentaksiran | KAEDAH PENTAKSIRAN<br>1. Pentaksiran secara bertulis<br>Instrumen : Hasil kerja murid – latihan bertulis<br><br>2. Pentaksiran secara lisan<br>Instrumen : Rakaman video |
| Panduan kerja buat | 1. Murid dan pembimbing perlu memahami terlebih dahulu nota berkaitan dengan tajuk / tema yang dipelajari.<br>2. Fahami arahan yang terdapat di bahagian aktiviti.<br>3. Gunakan nota atau buku teks Pendidikan Islam Tahun 4 muka surat 180-184 untuk menyelesaikan tugasan yang diberi<br>4. Dapatkan bantuan guru sekiranya tidak memahami tugasan<br>5. Hantar tugasan yang telah siap kepada guru untuk disemak dan penerimaan tugasan yang seterusnya. |

## MODUL LATIHAN PENDIDIKAN ISLAM TAHUN 4 BIDANG ADAB

**Aktiviti 1 : Menerangkan maksud, hukum dan adab terhadap guru.**

**Arahan :**

- Pilih dan tanda jawapan yang betul.
- Peruntukan masa menjawab 30 minit

1. Siapakah guru?

a) Orang yang diajar dan didik

c) Orang yang belajar dan mendidik

b) Orang yang mengajar dan mendidik

2. Hukum beradab dengan guru adalah _________________

a) Harus

c) Wajib

b) Sunat

3. Adab terhadap guru terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu _____________

a) perlakuan, kasih sayang, percakapan

c) percakapan, beri salam, perasaan

b) perlakuan, percakapan, perasaan

4. Berikut adalah adab terhadap guru, kecuali ___________________

a) mendoakan kesejahteraan guru

c) Meninggi diri dan bersifat sombong

b) bersangka baik dengan guru

5. Sebagai seorang murid, apakah adab yang perlu diamalkan ketika bercakap dengan

guru? (Tandakan ( √ ) 2 jawapan yang paling tepat)

- Bercakap dengan kasar ( )
- Bercakap dengan sopan ( )
- Memerli guru ketika bercakap ( )
- Mendengar penerangan guru dengan teliti ( )
- Bertanyakan perkara yang tidak bermanfaat ( )

**Aktiviti 2 : Mengaplikasi adab terhadap guru.**

**Arahan :**

➢ Lengkapkan peta pokok di bawah tentang adab terhadap guru dari segi perlakuan, percakapan dan perasaan.

➢ Peruntukan masa menjawab 30 minit

**Adab terhadap guru**

| **Perlakuan** | **Percakapan** | **Perasaan** |
|---|---|---|
| 1. ____________________<br>____________________<br>____________________<br>____________________ | 1. ____________________<br>____________________<br>____________________<br>____________________ | 1. ____________________<br>____________________<br>____________________<br>____________________ |
| 2. ____________________<br>____________________<br>____________________<br>____________________ | 2. ____________________<br>____________________<br>____________________<br>____________________ | 2. ____________________<br>____________________<br>____________________<br>____________________ |
| 3. ____________________<br>____________________ | 3. ____________________ | 3. ____________________ |

**Aktiviti 3 : Menganalisis kepentingan adab terhadap guru**

**Arahan :**

- Tandakan ( **√ )** pada pernyataan di bawah tentang kepentingan adab terhadap guru mengikut kategorinya.
- Peruntukan masa menjawab 30 minit

| | **Pernyataan** | **Kepentingan terhadap** | | |
|---|---|---|---|---|
| | | **Individu** | **Masyarakat** | **Negara** |
| *Contoh : Mudah mengingati pelajaran* | | **√** | | |
| 1 | Tidak mudah terpengaruh dengan gejala negatif | | | |
| 2 | Lahir ramai cerdik pandai untuk membangunkan negara | | | |
| 3 | Melahirkan masyarakat berilmu dan penyayang | | | |
| 4 | Disayangi dan disenangi oleh guru | | | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 5 | Negara maju dan berdaya saing | | | |
| 6 | Mendapat pahala dan keberkatan ilmu | | | |

**Aktiviti 4 : Menilai tindakan yang menzahirkan adab terhadap guru.**

**Arahan :**

- Tentukan adab terhadap guru mengikut situasi berikut.
- Peruntukan masa menjawab 30 minit

| | |
|---|---|
| Bersabar terhadap guru | Bersopan dengan guru |
| Menghormati guru | Membantu guru |

***Contoh :***

*Ketika menuntut ilmu, Imam Syafie menyelak helaian kitabnya dengan cara yang sangat perlahan kerana tidak*

*Bersopan dengan guru*

1. Fatimah murid Tahun 4. Setiap pagi, Fatimah akan menunggu kedatangan ustazah Siti untuk mengangkat barang-barang ustazah Siti ke bilik guru.

2. Semasa ustaz Hafiz mengajar di dalam kelas, Ahmad duduk diam dan mendengar dengan teliti pengajaran yang disampaikan oleh ustaz Hafiz.

3. Zamri seorang murid yang rajin. Setiap hari selepas tamat waktu persekolahan, Zamri akan menunggu ustaz Fuad untuk belajar al-Quran.

**Aktiviti 5 : Merumus adab terhadap guru dan meng**

**Arahan :**

1. Cipta dua rangkap pantun tentang adab terhadap guru yang pernah kamu amalkan.
2. Baca pantun yang telah dicipta dan buat rakaman video menggunakan telefon pintar
3. Hantar rakaman video kepada guru
4. Peruntukan masa menjawab 2 hari

__________________________________________

__________________________________________

__________________________________________

_________________________

**DISEDIAKAN OLEH :**

**HASRANAH BINTI SAHAM**

**SEKOLAH KEBANGSAAN BLOK 31**

**TAWAU**